

05 SEP 2002

DHL-KEMUDAHAN/I

DHL LANCAR PUSAT MAKLUMAT BARU BERNILAI RM200 JUTA DI CYBERJAYA

CYBERJAYA, 5 Sept (Bernama) -- DHL Worldwide Express, perintis industri ekspres udara antarabangsa, menempatkan semula pusat Perkhidmatan Maklumat Asia Pasifiknya (APIS) di kemudahan baru bernilai RM200 juta di Cyberjaya.

Pusat berkenaan sebelum ini terletak di IOI Puchong sebagai pusat Teknologi Maklumat (IT) serantau bagi operasi DHL di Asia Pasifik dan Timur Tengah.

DHL APIS telah berkembang menjadi satu daripada tiga pusat Perkhidmatan Maklumat (IS) global strategik yang menawarkan pembangunan dan penghantaran IS bertaraf dunia serta penyelesaian kepada operasi seluruh dunia bagi DHL, kata Ketua Pegawai Maklumatnya Stephen McGuckin kepada pemberita yang mengadakan lawatan ke kemudahan berkenaan di sini semalam.

Pusat berkenaan akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Jumaat ini.

"Semasa kami memilih tempat untuk pusat IT Asia Pasifik kami, kami meninjau ke negara hos iaitu Singapura, Filipina, Hong Kong dan India. Tetapi kami memilih Malaysia dan Koridor Raya Multimedia (MSC)," katanya.

Pilihan itu adalah berdasarkan kepada insentif khas MSC yang termasuk Bil Jaminan, komitmennya kepada pengenalan Undang-undang Siber dan lain-lain faedah yang boleh DHL perolehi.

Kompleks terkini empat tingkat seluas 100,000 kaki persegi itu merupakan pusat IS ketiga DHL. Dua lagi terletak di London dan Phoenix Arizona, Amerika Syarikat.

Buat masa ini, pusat di Malaysia itu mempunyai 370 kakitangan yang mana 86 peratus warga tempatan dan jumlah ini dijangka naik kepada 450 pada akhir 2002.

Selain menjadi kemudahan latihan serta penyelidikan dan pembangunan global bagi syarikat, DHL APIS juga memainkan peranan sebagai Pusat Data Global bagi operasinya.

Pusat itu menyediakan pemantauan 24 jam untuk keseluruhan rangkaianannya bagi memastikan perhubungan perkhidmatan telekomunikasi lebih 220 negara dan kawasan seluruh rangkaian DHL seluruh dunia, katanya.

Sejak 2000, DHL telah melabur kira-kira AS\$300 juta (RM1,140 juta) untuk meningkatkan infrastruktur daratnya di Asia Pasifik.

Inisiatif pelaburan ini ditujukan kepada pasaran utama di Malaysia, China, Jepun, Korea Selatan, India, Indonesia dan Singapura.

Pelaburan rangkaian komprehensif di Asia Pasifik itu ialah bagi memastikan semula operasi DHL terus mencapai tahap peneraju pasaran. --

BERNAMA

SM SD NHD